

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi dapatan kajian berdasarkan soalan kajian yang dikemukakan dalam Bab 1. Penyampaian analisis data dalam bab ini dibahagikan kepada beberapa tajuk-tajuk seperti berikut:

- (a). Kekerapan bahan bacaan yang dibaca oleh responden.
- (b). Tujuan responden membaca bahan bacaan.
- (c). Kekangan atau faktor yang menghalang minat membaca responden.
- (d). Peranan dan penggunaan pusat sumber atau perpustakaan menanam minat membaca responden.
- (e). Pertalian dan hubungan bahan bacaan yang sangat kerap di baca oleh responden dengan status sosioekonomi.

4.2 Kekerapan bahan bacaan yang dibaca oleh responden

Dalam kajian ini beberapa jenis bahan bacaan yang difikirkan sesuai telah dikemukakan kepada responden untuk dipilih. Bahan bacaan tersebut ialah majalah sukan, majalah pendidikan, surat khabar utama, surat khabar pendidikan, buku teks sekolah, buku komik atau kartun, novel remaja, buku agama, risalah atau katalog, majalah seram atau misteri, iklan, papan kenyataan, buku akademik dan bahan internet. Ini jelas diterangkan melalui dapatan kajian dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1
 Jadual menunjukkan keseluruhan kekerapan dan peratus bahan bacaan yang dibaca oleh responden.

JENIS BAHAN BACAAN	TAHAP MINAT MEMBACA BAHAN BACAAN			
	Amat Jarang	Jarang	Kerap	Sangat Kerap
Majalah sukan	99 (41.3%)	113 (47.1%)	22 (9.2%)	6 (2.5%)
Majalah pendidikan	15 (6.3%)	103 (42.9%)	92 (38.3%)	30 (12.5%)
Surat khabar utama	26 (10.8%)	91 (37.9%)	76 (31.7%)	47 (19.6%)
Surat khabar pendidikan	41 (17.1%)	79 (32.9%)	78 (32.5%)	42 (17.5%)
Buku teks sekolah	9 (3.8%)	75 (31.3%)	110 (45.8%)	46 (19.2%)
Buku komik atau kartun	33 (13.8%)	55 (22.9%)	62 (25.8%)	90 (37.5%)
Novel remaja	90 (37.5%)	70 (29.2%)	40 (16.7%)	40 (16.7%)
Buku agama	23 (9.6%)	77 (32.0%)	98 (40.8%)	42 (17.1%)
Risalah atau katalog	74 (30.8%)	107 (44.6%)	46 (19.2%)	13 (5.4%)
Majalah seram atau misteri	36 (15.0%)	71 (29.6%)	59 (28.8%)	64 (26.7%)
Iklan	38 (15.8%)	63 (26.3%)	98 (40.8%)	41 (17.1%)
Papan kenyataan sekolah	25 (10.4%)	15 (47.9%)	79 (32.9%)	21 (8.8%)
Buku akademik	63 (26.3%)	102 (42.5)	53 (22.1%)	22 (9.2%)
Bahan internet	108 (45.0%)	76 (31.7%)	4 (7.9%)	37 (15.4%)

N=240

Berdasarkan Jadual 4.1 menunjukkan hasil dapatan kajian tentang bahan bacaan yang dibaca oleh 240 orang responden. Dapatan kajian menunjukkan bahan bacaan yang sangat kerap dibaca ialah bahan bacaan yang berbentuk komik atau kartun iaitu 90 atau

37.0% responden membaca bahan bacaan ini. Bahan bacaan yang sangat jarang dibaca oleh responden ialah bahan bacaan yang berbentuk atau bersumber daripada internet iaitu 108 (45.0%). Jadual 4.1 menunjukkan bahan yang kerap di baca oleh responden ialah buku teks sekolah iaitu 110 atau 45.0%. Di samping itu juga dapatan kajian menunjukkan responden jarang membaca majalah sukan iaitu 113 atau 47.1%.

Sebagai kesimpulannya, jelas menunjukkan bahawa bahan bacaan yang berbentuk komik dan kartun menjadi pilihan bacaan utama responden kajian. Hal ini mungkin disebabkan murid merasa seronok dan terhibur bila membaca bahan bacaan yang bercorak komik atau kartun. Bahan internet, merupakan bahan yang amat jarang dibaca oleh responden. Hal ini berlaku mungkin disebabkan responden yang baru berumur 11 tahun kurang didedahkan dengan bahan yang bersumber daripada internet. Kebanyakannya bahan daripada internet ini di pelopori oleh pelajar sekolah menengah dan pelajar pusat pengajian tinggi.

Berdasarkan Jadual 4.2 menunjukkan bahawa bahan bacaan yang sangat kerap dibaca oleh responden perempuan dan lelaki ialah bahan bacaan yang berbentuk komik atau kartun. Walau bagaimanapun dari segi kuantiti memilihnya berbeza, responden perempuan hanya memilih 29 atau 24.2%, responden lelaki memilih 61 atau 50.8% jumlah yang lebih besar daripada responden perempuan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahan yang kerap dibaca oleh responden lelaki ialah buku teks sekolah dan iklan iaitu masing-masing 56 atau 46.7%. Manakala bahan yang kerap di baca oleh responden perempuan buku teks sekolah dan buku-buku agama iaitu 54 atau 45.0%.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahan yang amat jarang dibaca oleh responden lelaki ialah membaca novel remaja iaitu 57 atau 47.5%. Manakala dapatan kajian menunjukkan responden perempuan jarang membaca bahan bacaan yang berbentuk majalah sukan iaitu 61 atau 50.8%.

Dapatan kajian dalam jadual 4.2 juga menunjukkan kedua-dua responden lelaki dan perempuan jarang membaca papan kenyataan sekolah, iaitu 62 atau 51.7% bagi responden lelaki dan 53 atau 44.2% bagi responden perempuan.

Jadual 4.2
Jadual menunjukkan kekerapan dan peratus bahan bacaan yang dibaca oleh responden berdasarkan jantina.

JENIS BAHAN BACAAN	AMAT JARANG		JARANG		KERAP		SANGAT KERAP	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Majalah sukan	38 (31.7%)	61 (50.8%)	58 (48.3%)	55 (45.8%)	18 (15.0%)	4 (3.3%)	6 (5.0%)	0
Majalah pendidikan	9 (7.5%)	6 (5.0%)	51 (42.5%)	52 (43.3%)	43 (35.8%)	49 (40.8%)	17 (14.2%)	13 (10.8%)
Surat khabar utama	15 (12.5%)	11 (9.2%)	40 (33.3%)	51 (42.5%)	43 (35.8%)	33 (27.5%)	22 (18.3%)	25 (20.8%)
Surat khabar pendidikan	20 (16.7%)	21 (17.5%)	41 (34.2%)	38 (31.7%)	39 (32.5%)	39 (32.5%)	20 (16.7%)	22 (18.3%)
Buku teks sekolah	3 (2.5%)	6 (5.0%)	35 (29.2%)	40 (33.3%)	56 (46.7%)	54 (45.0%)	26 (21.7%)	20 (16.7%)
Buku komik atau kartun	15 (12.5%)	18 (15.0)	18 (15.0)	37 (30.8%)	26 (21.7%)	36 (30.0%)	61 (50.8%)	29 (24.2%)
Novel remaja	57 (47.5%)	11 (27.5%)	32 (26.7%)	13 (32.5%)	19 (15.8%)	8 (20.0%)	12 (10.0%)	8 (20.0%)
Buku agama	10 (8.3%)	13 (10.8%)	39 (32.5%)	38 (31.7%)	54 (45.0%)	44 (36.7%)	17 (14.2%)	25 (20.8%)
Risalah atau katalog	41 (34.2%)	14 (35.0%)	55 (45.8%)	16 (40.0%)	17 (14.2%)	9 (22.5%)	7 (5.8%)	1 (2.5%)
Majalah seram atau misteri	15 (12.5%)	6 (15.0%)	38 (31.7%)	9 (22.5%)	34 (28.3%)	15 (37.5%)	33 (27.5%)	10 (25.0%)
Iklan	12 (10.0%)	26 (21.7%)	29 (24.2%)	34 (28.3%)	56 (46.7%)	42 (35.0%)	23 (19.2%)	18 (15.0%)
Papan kenyataan sekolah	11 (9.2%)	14 (11.7%)	62 (51.7%)	53 (44.2%)	38 (31.7%)	41 (34.2%)	9 (7.5%)	12 (10.0%)
Buku akademik	29 (24.2%)	34 (28.3%)	60 (50.0%)	42 (35.0%)	22 (18.3%)	31 (25.8%)	9 (7.5%)	13 (10.8%)
Bahan internet	64 (53.3%)	44 (36.7%)	27 (22.5%)	49 (40.8%)	9 (7.5%)	10 (8.3%)	20 (16.7%)	17 (14.2%)

N=240

P = PEREMPUAN

L = LELAKI

Sebagai kesimpulannya Jadual 4.2 terdapat perbezaan dari bahan bacaan yang dibaca berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Hal ini mungkin disebabkan perbezaan dari segi minat membaca bahan bacaan tersebut, dan sikap atau sifat responden lelaki dan perempuan berbeza dari segi cita rasa membaca, yang mempengaruhi bahan bacaan yang hendak dibaca oleh responden. Responden perempuan lebih kerap membaca bahan bacaan seperti bahan bacaan yang bercorak misteri, surat khabar pendidikan, buku agama dan buku teks. Manakala responden lelaki lebih gemar membaca bahan yang berbentuk ilmiah dan hiburan untuk keseronokkan seperti membaca bahan yang berbentuk komik atau kartun dan surat khabar utama.

Berdasarkan data yang diperolehi menunjukkan terdapatnya perbezaan bahan bacaan yang dibaca oleh responden dari segi sekolah (**Lampiran 1**). Daripada dapatan kajian menunjukkan responden SKMS, SKKK dan SKBRP memilih bahan bacaan yang berbentuk komik atau kartun sebagai bahan bacaan yang kerap dibaca iaitu SKMS 30 atau 37.5%, SKBRP iaitu 32 atau 40.0% dan SKKK iaitu 28 atau 35.0%.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahan yang kerap dibaca oleh responden ialah buku agama bagi SKMS (31 atau 39.0%) dan SKKK (37 atau 46.2%). Bagi responden SKBRP bahan bacaan yang kerap dibaca ialah buku teks sekolah (40 atau 50.0%).

Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan dari segi sekolah bahan bacaan yang jarang dibaca. Responden SKBRP jarang membaca majalah pendidikan (32 atau 40.0%). Bagi SKMS bahan bacaan yang jarang dibaca ialah risalah atau katalog (45 atau 56.3%) dan SKKK jarang membaca majalah sukan dan iklan (41 atau 51.3%).

Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan bahan bacaan yang amat jarang di baca berdasarkan sekolah. Responden SKMS amat jarang membaca bahan internet (48 atau 60.0%). Bagi responden SKBRP bahan bacaan yang amat jarang dibaca majalah sukan (40 atau 50.0%) dan responden SKKK amat jarang membaca novel remaja (37 atau 46.3%)

Sebagai kesimpulannya, wujud perbezaan minat membaca berdasarkan kedudukan sekolah. Ini sebabkan kedudukan lokasi sekolah yang berhampiran dengan kemudahan yang memudahkan responden untuk mendapatkan bahan bacaan tersebut. Di samping itu juga terdapat sekolah yang menyediakan kemudahan bahan bacaan yang banyak bagi memudahkan murid membaca. Contohnya SKBRP, merupakan sekolah yang mempunyai kemudahan pusat sumber yang terkini, kerana sekolah ini merupakan sekolah baru yang dibuka di kawasan tersebut.

4.3 Tujuan responden membaca bahan bacaan.

Dalam konteks kajian ini, tujuan membaca merujuk kepada beberapa tujuan yang sesuai untuk dikemukakan kepada responden, antara tujuan membaca yang sesuai untuk dikemukakan kepada responden ialah, membaca untuk mendapatkan maklumat, membaca untuk keseronokkan, membaca untuk menghilangkan sifat bosan, membaca untuk lulus peperiksaan, membaca untuk menenangkan fikiran, membaca untuk tujuan menunjuk-nunjuk, membaca untuk mengelak membuat kerja, membaca untuk menambah pengetahuan, membaca untuk mengisi masa lapang yang berfaedah, membaca untuk menyelesaikan masalah, membaca kerana perasaan ingin tahu dan membaca untuk menyiapkan kerja sekolah. Ini jelas diterangkan melalui dapatan kajian dalam Jadual 4.3.

Berdasarkan Jadual 4.3 menunjukkan hasil dapatan kajian tentang tujuan responden membaca bahan bacaan. Dapatan kajian menunjukkan responden sangat setuju tujuan membaca untuk lulus peperiksaan iaitu 174 atau 72.5%. Dapatan kajian juga menunjukkan responden amat tidak setuju tujuan membaca untuk menunjuk-nunjuk iaitu 178 atau 74.2%. Dapatan kajian juga menunjukkan responden setuju membaca bahan bacaan untuk tujuan menenangkan fikiran iaitu 152 atau 63.3%. Dapatan kajian juga menunjukkan responden tidak bersetuju tujuan membaca untuk mengelak membuat kerja iaitu 92 atau 38.3%.

Jadual 4.3
Jadual menunjukkan keseluruhan kekerapan dan peratus tujuan responden kajian membaca bahan bacaan.

TUJUAN MEMBACA	AMAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
Membaca untuk mendapatkan maklumat	1 (0.4%)	4 (1.7%)	131 (54.6%)	104 (43.3%)
Membaca untuk keseronokkan	17 (7.1%)	50 (20.8%)	127 (52.9%)	46 (19.2%)
Membaca untuk menghilangkan bosan	4 (1.7%)	12 (5.0%)	126 (52.5%)	98 (40.8%)
Membaca untuk lulus peperiksaan	1 (0.4%)	3 (1.3%)	62 (25.8%)	174 (72.5%)
Membaca untuk tujuan menunjuk-nunjuk	178 (74.2%)	59 (24.6%)	1 (0.4%)	2 (0.8%)
Membaca untuk mengelak membuat kerja	127 (52.9%)	92 (38.3%)	18 (7.5%)	3 (1.3%)
Membaca untuk menambah pengetahuan	1 (0.4%)	3 (1.3%)	107 (44.6%)	129 (53.8%)
Membaca untuk mengisi masa lapang	3 (1.3%)	9 (3.8%)	105 (43.8%)	123 (51.3%)
Membaca untuk menyelesaikan masalah	5 (2.1%)	45 (18.8%)	126 (52.5%)	64 (26.7%)
Membaca kerana perasaan ingin tahu	3 (1.3%)	31 (12.9%)	145 (60.4%)	61 (25.4%)
Membaca untuk menyiapkan kerja sekolah	14 (5.8%)	43 (17.9%)	113 (47.1%)	70 (29.2%)
Membaca untuk menenangkan fikiran	8 (3.3%)	26 (10.8%)	152 (63.3%)	54 (22.5%)

N=240

Sebagai kesimpulannya dapatan kajian berdasarkan Jadual 4.3 menunjukkan tujuan utama responden membaca adalah untuk lulus dalam peperiksaan dan diikuti

membaca untuk menenangkan fikiran. Ini sememangnya menjadi matlamat orang membaca adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan perasaan ingin tahu maklumat yang terdapat di dalam bahan bacaan tersebut. Sebagai seorang pelajar, sudah pasti matlamat utama responden membaca adalah untuk lulus peperiksaan. Di samping itu juga responden tidak bersetuju dengan tujuan membaca untuk menunjuk-nunjuk dan mengelak membuat kerja.

Berdasarkan Jadual 4.4 dapatan kajian menunjukkan tiadanya perbezaan tujuan membaca berdasarkan jantina. Dapatan kajian menunjukkan responden lelaki dan responden perempuan sangat setuju tujuan membaca adalah untuk lulus peperiksaan iaitu 91 atau 75.8% bagi perempuan dan lelaki ialah 83 atau 69.2%. data yang diperolehi menunjukkan terdapatnya perbezaan memilih tujuan membaca di antara responden lelaki dan perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan responden lelaki dan responden perempuan setuju tujuan membaca untuk menenangkan fikiran iaitu 78 atau 65.0% bagi responden perempuan dan 74 atau 61.7% responden lelaki.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden lelaki dan responden perempuan amat tidak bersetuju tujuan membaca untuk menunjuk-nunjuk iaitu 82 atau 68.3 bagi responden lelaki dan 96 atau 80.0% bagi responden perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan responden lelaki dan responden perempuan tidak bersetuju tujuan membaca untuk mengelak membuat kerja sama iaitu 46 atau 38.3% .

Sebagai kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan tujuan responden membaca berdasarkan jantina. Responden lelaki dan perempuan amat bersetuju tujuan membaca untuk lulus peperiksaan dan setuju tujuan membaca untuk menenangkan fikiran. Responden lelaki dan perempuan juga tidak bersetuju tujuan membaca untuk menunjuk-nunjuk dan

membaca untuk mengelak daripada membuat kerja. Ini jelas menunjukkan adanya kesefahaman idea di antara responden lelaki dan perempuan yang tidak bersetuju unsur negatif ketika proses membaca.

Jadual 4.4
Jadual menunjukkan kekerapan dan peratus tujuan responden membaca bahan bacaan berdasarkan jantina.

TUJUAN MEMBACA	AMAT TIDAK SETUJU		TIDAK SETUJU		SETUJU		SANGAT SETUJU	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Membaca untuk mendapatkan maklumat	0	1	1	3	64	67	55	49
	(0.8%)	(0.8%)	(0.8%)	(2.5%)	(53.3%)	(55.8%)	(45.8%)	(40.8%)
Membaca untuk keseronokkan	8	9	19	31	72	55	21	25
	(6.7%)	(7.5%)	(15.8%)	(25.8%)	(60.0%)	(45.8%)	(17.5%)	(20.8%)
Membaca untuk menghilangkan bosan	1	3	5	7	63	63	51	47
	(0.8%)	(2.5%)	(4.2%)	(5.8%)	(52.5%)	(52.5%)	(42.5%)	(39.2%)
Membaca untuk lulus peperiksaan	0	1	2	1	35	27	83	91
	(0.8%)	(0.8%)	(1.7%)	(0.8%)	(29.2%)	(22.5%)	(69.2%)	(75.8%)
Membaca untuk menenangkan fikiran	3	5	16	10	74	78	27	27
	(2.5%)	(4.2%)	(61.7%)	(8.3%)	(61.7%)	(65.0%)	(22.5%)	(22.5%)
Membaca untuk tujuan menunjuk-nunjuk	82	96	37	22	1	0	0	2
	(68.3%)	(80.0%)	(30.8%)	(18.3%)	(0.8%)	0	0	(1.7%)
Membaca untuk mengelak membuat kerja	61	65	46	46	11	7	2	1
	(50.8%)	(55.0%)	(38.3%)	(38.3%)	(9.2%)	(5.8%)	(1.7%)	(0.8%)
Membaca untuk menambah pengetahuan	0	1	1	2	60	47	59	70
	(0.8%)	(0.8%)	(0.8%)	(1.7%)	(50.0%)	(39.2%)	(49.2%)	(58.3%)
Membaca untuk mengisi masa berfaedah	3	0	6	3	52	53	59	64
	(2.5%)	0	(5.0%)	(2.5%)	(43.3%)	(44.2%)	(49.2%)	(53.3%)
Membaca untuk menyelesaikan masalah	2	3	19	26	63	63	36	28
	(1.7%)	(2.5%)	(15.8%)	(21.7%)	(52.5%)	(52.3%)	(30.0%)	(23.3%)
Membaca kerana perasaan ingin tahu	2	1	14	17	70	75	34	27
	(1.7%)	(0.8%)	(11.7%)	(14.2%)	(58.3%)	(62.5%)	(28.3%)	(22.5%)
Membaca untuk menyiapkan kerja sekolah	7	7	21	22	61	52	31	39
	(5.8%)	(5.8%)	(17.5%)	(18.3%)	(50.8%)	(43.3%)	(25.8%)	(32.5%)

N=240

L=LELAKI

P=PEREMPUAN

Berdasarkan data yang diperolehi tidak menunjukkan perbezaan yang begitu ketara tujuan responden membaca berdasarkan sekolah (**Lampiran 2**). Daripada dapatan kajian menunjukkan responden SKMS (56 atau 70%), SKKK (54 atau 67.5%) dan SKBRP (64 atau 80%) amat setuju tujuan membaca adalah untuk lulus peperiksaan.

Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan responden yang setuju tujuan responden membaca berdasarkan sekolah. Responden SKBRP (47 atau 58.7%) dan SKMS (59 atau 73.7%) setuju tujuan membaca untuk menenangkan fikiran. Bagi responden SKKK (59 atau 73.7%) setuju tujuan membaca untuk mendapatkan maklumat.

Daripada dapatan kajian menunjukkan responden SKMS (45 atau 56.2%), SKKK (37 atau 46.2%) dan SKBRP (45 atau 56.2%) tidak setuju tujuan membaca adalah untuk mengelak dari membuat kerja. Daripada dapatan kajian menunjukkan responden SKMS (63 atau 78.7%), SKKK (47 atau 58.7%) dan SKBRP (68 atau 85.0%) amat tidak setuju dengan tujuan membaca menunjuk-nunjuk.

Sebagai kesimpulannya, ketiga-tiga sekolah amat bersetuju tujuan utama membaca adalah untuk lulus dalam peperiksaan dan tidak bersetuju tujuan membaca adalah untuk menunjuk-nunjuk dan mengelak daripada disuruh membuat kerja.

4.4 Kekangan atau faktor yang menghalang minat membaca responden

Berdasarkan Jadual 4.5 menunjukkan hasil dapatan kajian faktor yang menghalang minat membaca. Dapatan kajian menunjukkan responden amat bersetuju faktor yang menghalang minat membaca ialah pengaruh TV, VCD, permainan video dan radio yang kuat, iaitu 99 atau 41.3%. Responden kajian juga setuju faktor yang menghalang minat membaca ialah rasa mengantuk atau letih iaitu 106 atau 44.2%.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden kajian amat tidak bersetuju faktor tidak berminat dan bermotivasi untuk membaca sebagai faktor menghalang membaca iaitu 95 atau 39.6%. Dapatan kajian juga menunjukkan responden tidak bersetuju tiga faktor yang boleh menghalang minat membaca dan jumlah responden yang tidak

bersetuju juga sama iaitu 118 atau 49.2%. Faktor tersebut ialah tiada keperluan untuk membaca, tiada perpustakaan mini atau sudut bacaan di rumah dan tidak mampu membeli buku.

Jadual 4.5

Jadual menunjukkan keseluruhan kekerapan dan peratus faktor yang menghalang minat membaca.

JENIS BAHAN BACAAN	AMAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SETUJU	AMAT SETUJU
Gangguan persekitaran	45 (18.8%)	53 (22.1%)	91 (37.9%)	51 (21.3%)
Rasa mengantuk / letih	21 (8.8%)	75 (31.3%)	106 (44.2%)	38 (15.8%)
Kerja sekolah yang banyak	29 (12.1%)	85 (35.4%)	97 (40.4%)	29 (12.1%)
Sukar mendapatkan bahan bacaan di pusat sumber	45 (18.8%)	107 (44.6%)	66 (27.5%)	22 (9.2%)
Koleksi di pusat sumber yang kurang lengkap	43 (17.9%)	103 (42.9%)	75 (31.3%)	19 (7.9%)
Tidak mampu untuk membeli buku	63 (26.3%)	118 (49.2%)	45 (18.8%)	14 (5.8%)
Harga bahan bacaan yang mahal	43 (17.9%)	99 (41.3%)	71 (29.6%)	27 (11.3%)
Kekurangan masa atau sibuk	35 (14.6%)	74 (30.8%)	90 (37.5%)	41 (17.1%)
Tidak berminat dan motivasi untuk membaca	95 (39.6%)	106 (44.2%)	25 (10.4%)	14 (5.8%)
Tiada keperluan untuk membaca	76 (31.7%)	118 (49.2%)	39 (16.3%)	7 (2.9%)
Halangan bahasa	35 (14.6%)	94 (39.2%)	80 (33.3%)	31 (12.9%)
Kecacatan fizikal	95 (39.6%)	80 (33.3%)	48 (20.0%)	17 (7.1%)
Tiada kemudahan untuk membaca	78 (32.5%)	116 (48.3%)	33 (13.8%)	13 (5.4%)
Jarak pusat sumber jauh dari rumah	60 (25.0%)	87 (36.3%)	66 (27.5%)	27 (11.3%)
Tidak tahu tujuan membaca	94 (39.2%)	108 (45.0%)	23 (9.6%)	15 (6.3%)
Pengaruh TV, VCD, permainan video dan radio	14 (5.8%)	21 (8.8%)	106 (44.2%)	99 (41.3%)
Tiada perpustakaan mini atau sudut bacaan	66 (27.5%)	118 (49.2%)	47 (19.6%)	9 (3.8%)

N = 240

Sebagai kesimpulannya, faktor utama yang menghalang minat membaca responden ialah pengaruh TV, VCD, permainan video, dan radio. Ini menunjukkan responden yang berada di peringkat umur 11 tahun, mudah dipengaruhi oleh keadaan sekelilingnya untuk membaca. Ini jelas dilihat melalui dapatan data menunjukkan responden mudah terjejas minat membacanya disebabkan oleh faktor letih atau pena dan gangguan keadaan sekeliling seperti bunyi bising dan sebagainya.

Berdasarkan jadual 4.6 menunjukkan dapatan kajian faktor yang menghalang minat membaca berdasarkan jantina. Bagi kategori amat setuju menunjukkan responden lelaki dan perempuan tiada perbezaan. Kedua-dua responden memilih faktor pengaruh TV, VCD, permainan video, dan radio yang kuat sebagai faktor menghalang minat membaca iaitu 54 atau 45.0% bagi responden lelaki dan 45 atau 37.5% responden perempuan.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya perbezaan faktor yang dipersetujui dari segi jantina. Responden lelaki setuju faktor yang menghalang minat membaca ialah rasa mengantuk atau letih iaitu 53 atau 44.2%, manakala responden perempuan setuju gangguan persekitaran sebagai faktor yang menghalang minat membaca iaitu 60 atau 50.0%.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden yang tidak setuju dengan faktor yang menghalang minat membaca berdasarkan jantina. Responden lelaki tidak bersetuju dengan faktor tidak mampu membeli buku dan tiada keperluan membaca sebagai faktor yang menghalang minat membaca iaitu 64 atau 53.3%. Manakala responden perempuan tidak bersetuju tiada kemudahan membaca sebagai faktor yang menghalang minat membaca iaitu 65 atau 54.2%.

Jadual 4.6
Jadual menunjukkan kekerapan dan peratus faktor yang menghalang minat membaca
berdasarkan jantina responden.

JENIS BAHAN BACAAN	AMAT TIDAK SETUJU		TIDAK SETUJU		SETUJU		AMAT SETUJU	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Gangguan persekitaran	11 (9.2%)	24 (20.0%)	29 (24.2%)	24 (20.0%)	41 (34.2%)	60 (40.0%)	29 (24.2%)	22 (18.3%)
Rasa mengantuk / letih	8 (6.7%)	13 (10.8%)	38 (31.7%)	37 (30.8%)	53 (44.2%)	53 (44.2%)	21 (17.5%)	17 (14.2%)
Kerja sekolah yang banyak	11 (9.2%)	18 (15.0%)	48 (40.0%)	37 (30.8%)	48 (40.0%)	49 (40.8%)	13 (10.8%)	16 (13.3%)
Sukar mendapatkan bahan bacaan di pusat sumber	23 (19.2%)	22 (18.3%)	52 (43.3%)	55 (45.8%)	38 (31.7%)	28 (23.3%)	7 (5.8%)	15 (12.5%)
Koleksi di pusat sumber kurang lengkap	23 (19.2%)	20 (16.7%)	51 (42.5%)	52 (43.3%)	39 (32.5%)	36 (30.0%)	7 (5.8%)	12 (10.0%)
Tidak mampu untuk membeli buku	26 (21.7%)	37 (30.8%)	64 (53.3%)	54 (45.0%)	23 (19.2%)	22 (18.3%)	7 (5.8%)	7 (5.8%)
Harga bahan bacaan mahal	22 (18.3%)	21 (17.5%)	44 (36.7%)	55 (45.8%)	40 (33.3%)	31 (25.8%)	14 (11.7%)	13 (10.8%)
Kekurangan masa atau sibuk	15 (12.5%)	20 (16.7%)	33 (27.5%)	41 (34.2%)	42 (35.0%)	48 (40.0%)	30 (25.0%)	11 (9.2%)
Tidak berminat dan bermotivasi	46 (38.3%)	49 (40.8%)	56 (46.7%)	50 (41.7%)	13 (10.8%)	12 (10.0%)	5 (4.2%)	9 (7.5%)
Tiada keperluan untuk membaca	34 (28.3%)	42 (35.0%)	64 (53.3%)	54 (45.0%)	20 (16.7%)	19 (15.8%)	2 (1.7%)	0 (0%)
Halangan bahasa	20 (16.7%)	15 (12.5%)	47 (39.2%)	47 (39.2%)	39 (32.5%)	41 (34.2%)	14 (11.7%)	17 (14.2%)
Kecatatan fizikal	45 (37.5%)	50 (41.7%)	40 (33.3%)	40 (33.3%)	23 (19.2%)	25 (20.8%)	12 (10.0%)	5 (4.2%)
Tiada kemudahan untuk membaca	42 (35.0%)	36 (30.0%)	51 (42.5%)	65 (54.2%)	19 (15.8%)	14 (11.7%)	8 (6.7%)	5 (4.2%)
Jarak pusat sumber jauh dari rumah	35 (29.2%)	25 (20.8%)	38 (31.7%)	49 (40.8%)	30 (25.0%)	36 (30.0%)	17 (14.2%)	10 (8.3%)
Tidak tahu tujuan membaca	47 (39.2%)	47 (39.2%)	51 (42.5%)	57 (47.5%)	14 (11.7%)	9 (7.5%)	8 (6.7%)	7 (5.8%)
Pengaruh TV, VCD, Playstion, radio	10 (8.3%)	14 (9.5%)	10 (8.3%)	11 (9.2%)	46 (38.3%)	50 (41.3%)	54 (45.0%)	15 (12.5%)
Tiada perpustakaan mini atau sudut bacaan	35 (29.2%)	31 (25.8%)	56 (46.7%)	62 (51.7%)	24 (20.0%)	23 (19.2%)	5 (4.2%)	4 (3.3%)

N=240

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya perbezaan dari segi jantina mengenai faktor yang amat tidak setuju yang menghalang minat membaca. Bagi responden lelaki faktor yang amat tidak setuju ialah tidak tahu tujuan membaca iaitu 47

atau 39.2%. bagi responden perempuan amat tidak setuju faktor kecacatan fizikal sebagai faktor yang menghalang minat membaca iaitu 50 atau 41.7%. Sebagai kesimpulannya terdapat perbezaan dari segi jantina faktor yang menghalang minat membaca.

Berdasarkan data yang diperolehi menunjukkan terdapatnya perbezaan faktor yang menghalang minat membaca responden dari segi sekolah (**Rujuk Lampiran 3**). Daripada dapatan kajian menunjukkan responden SKMS, SKKK dan SKBRP amat setuju pengaruh TV, VCD, permainan video, dan radio yang kuat menghalang minat membaca responden kajian SKMS 38 atau 47.5%, SKBRP iaitu 42 atau 52.5% dan SKKK iaitu 19 atau 24.0%.

Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan responden yang setuju faktor yang menghalang minat membaca berdasarkan sekolah. Responden SKBRP (37 atau 46.2%) dan SKMS (47 atau 59.0%) setuju rasa mengantuk atau letih sebagai faktor yang menghalang minat membaca. Bagi responden SKKK (24 atau 30.0%) setuju kekurangan masa atau sibuk sebagai penghalang minat membaca.

Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan responden yang tidak setuju dengan faktor yang menghalang minat membaca berdasarkan sekolah. SKMS (39 atau 49.0%) dan SKBRP (40 atau 50.0%) tidak setuju dengan faktor tidak mampu membeli buku merupakan halangan minat membaca. Bagi responden SKKK tidak bersetuju dengan faktor tiada keperluan untuk membaca sebagai faktor yang menghalang minat membaca.

Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan responden yang amat tidak setuju dengan faktor yang menghalang minat membaca berdasarkan sekolah. Responden SKMS (34 atau 42.5%) amat tidak setuju dengan faktor tiada tujuan membaca halangan minat membaca. Bagi responden SKKK (26 atau 32.5%) amat tidak bersetuju dengan faktor

tidak berminat atau bermotivasi membaca sebagai faktor yang menghalang minat membaca. Bagi responden SKBRP (39 atau 49.0%) amat tidak bersetuju dengan faktor tiada keperluan untuk membaca sebagai faktor yang menghalang minat membaca.

Sebagai kesimpulannya, wujud perbezaan minat membaca berdasarkan kedudukan sekolah. Ini sebabkan kedudukan lokasi sekolah yang berhampiran dengan kemudahan yang memudahkan responden untuk mendapatkan bahan bacaan tersebut. Di samping itu juga terdapat sekolah yang menyediakan kemudahan bahan bacaan yang banyak bagi memudahkan murid membaca. Contohnya SKBRP, merupakan sekolah yang mempunyai kemudahan pusat sumber yang terkini, kerana sekolah ini merupakan sekolah baru yang dibuka di kawasan tersebut.

4.5 Peranan dan penggunaan pusat sumber atau perpustakaan menanam minat membaca responden.

4.5.1 Membaca berdasarkan muka surat di pusat sumber atau perpustakaan dalam masa seminggu.

Jadual 4.7

Jadual menunjukkan keseluruhan kekerapan dan peratus muka surat yang dibaca dalam seminggu.

BILANGAN MUKA SURAT YANG DIBACA	KEKERAPAN	PERATUS
lebih daripada 50 muka surat	57	23.80%
41 hingga 50 muka surat	36	15.00%
31 hingga 40 muka surat	49	20.40%
21 hingga 30 muka surat	38	15.80%
11 hingga 20 muka surat	32	13.30%
1 hingga 10 muka surat	23	9.60%
langsung tidak membaca	5	2.10%
JUMLAH	240	100%

Berdasarkan Jadual 4.7 menunjukkan 240 responden yang membaca di pusat sumber atau perpustakaan. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat 5 (2.1%) responden yang tidak langsung membaca di pusat sumber atau perpustakaan. Sementara itu majoriti yang tertinggi membaca menunjukkan data yang membanggakan iaitu 57 (23.8%) yang membaca lebih 50 muka surat di pusat sumber atau perpustakaan.

Berdasarkan data ini, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan responden yang dikaji menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembacaan di pusat sumber atau perpustakaan. Walau bagaimanapun responden yang membaca 31 hingga 40 muka surat juga menunjukkan sikap minat membaca yang tinggi, seramai 49 (20.4%), diikuti yang membaca 21 hingga 30 muka surat seramai 38 (15.8%), diikuti yang membaca 41 hingga 50 muka surat 36 (15.0%) dan yang membaca 1 hingga 10 muka surat 23 (9.6%).

Bagi memudahkan menganalisis mengenai perbezaan membaca di pusat sumber atau perpustakaan berdasarkan bilangan muka surat, skop muka surat di kecil menjadikan tiga bahagian, iaitu 41 muka surat ke atas, 21 hingga 40 muka surat dan 20 muka surat ke bawah. Skop bilangan muka surat dikecilkan bagi memudahkan memaparkan data berdasarkan perbezaan membaca mengikut sekolah dan jantina. Di bawah ini dipaparkan jadual tersebut.

Berdasarkan Jadual 4.8 menunjukkan perbandingan antara sekolah, analisis data menunjukkan bahawa sekolah yang membaca lebih 41 muka yang mempunyai jumlah yang besar ialah sekolah SKBRP seramai 45 (46.3%) responden, diikuti oleh sekolah SKMS seramai 33 (41.3%) responden. Manakala sekolah yang mempunyai jumlah yang kecil membaca lebih daripada 41 muka surat ialah sekolah SKKK seramai 15 (18.8%). Jumlah keseluruhan kedua terbesar jumlah muka surat yang dibaca ialah 40 hingga 21

muka surat. Dalam lingkungan jumlah ini, SKMS menunjukkan majoriti yang tertinggi iaitu 36 (45.0%). Manakala yang terkecil ialah SKKKK seramai 24 (30.0%) dan jumlah yang sederhana ialah SKBRP seramai 27 (33.8%). Jumlah keseluruhan muka surat yang kecil di baca ialah 21 muka surat ke bawah yang jumlah 60 responden. Dalam lingkungan jumlah membaca 21 muka surat ke bawah, majoriti yang tertinggi ialah SKKK seramai 41(51.3%) dan jumlah membaca terkecil dalam lingkungan ini ialah sekolah SKBRP seramai 8 (10.0%) responden, manakala jumlah yang sederhana membaca 21 muka surat ke bawah ialah SKMS 11 (13.8%) responden.

Sebagai kesimpulannya menunjukkan bahawa sikap responden dalam kajian ini menunjukkan minat membaca yang agak tinggi tetapi berbeza minat tersebut berdasarkan kedudukan lokasi sekolah yang secara tidak langsung mempengaruhi jumlahlah muka surat yang dibaca oleh setiap responden tersebut.

Jadual 4.8

Jadual menunjukkan kekerapan dan peratus muka surat yang dibaca berdasarkan jantina dan sekolah.

SEKOLAH	Lebih daripada 41 muka surat	40 hingga 21 muka surat	21 muka surat ke bawah	
SKMS	33 (41.3%)	36 (45.0%)	11 (13.8%)	n = 80 (100%)
SKKK	15 (18.8%)	24 (30.0%)	41 (51.3%)	n = 80 (100%)
SKBRP	45 (46.3%)	27 (33.8%)	8 (10.0%)	n = 80 (100%)
JUMLAH	93	87	60	N = 240 (100%)
JANTINA				
Lelaki	51 (42.5%)	43 (35.8%)	26 (21.7%)	n = 120 (100%)
Perempuan	42 (35.0%)	44 (36.7%)	34 (28.3%)	n = 120 (100%)
JUMLAH	93	87	60	N = 240 (100%)

Berdasarkan Jadual 4.8 menunjukkan dapatan kajian tentang perbezaan jantina. Data deskriptif menunjukkan perbezaan banyak muka surat yang di baca oleh responden berdasarkan jantina. Bagi 41 muka surat ke atas menunjukkan responden lelaki

menunjukkan minat membaca yang tinggi iaitu 51 (42.5%) berbanding dengan responden wanita hanya 42 (35.0%) sahaja. Tetapi bagi jumlah muka surat yang dibaca 40 hingga 21 muka surat, menunjukkan majoriti yang tertinggi ialah perempuan iaitu 44 (36.7%) sahaja, walaupun lelaki menunjukkan bilangan yang kecil iaitu 43 (35.8%), namun ia tidak melibatkan jumlah yang besar dari segi perbezaannya iaitu sekadar 1 (0.4%) sahaja. Ini menunjukkan minat membaca masih tinggi di kalangan mereka. Bagi jumlah 21 muka surat ke bawah menunjukkan jumlah minat membaca berdasarkan muka surat yang tertinggi ialah perempuan seramai 34 (28.3%), berbanding lelaki hanya 26 (21.7%).

4.5.2 Peruntukkan masa membaca.

Jadual 4.9

Jadual menunjukkan kekerapan dan peratus secara keseluruhan masa membaca responden di pusat sumber atau perpustakaan.

MASA MEMBACA	KEKERAPAN	PERATUS
lebih 5 jam	2	0.80%
4 hingga 5 jam	6	2.50%
3 hingga 4 jam	13	5.40%
2 hingga 3	37	15.40%
1 hingga 2 jam	100	41.70%
Kurang daripada 1 jam	76	31.00%
langsung tidak membaca	6	2.50%
JUMLAH	240	100%

Jadual 4.9 menunjukkan kekerapan dan peratus responden secara keseluruhan masa yang digunakan untuk membaca. Daripada jadual yang mengandungi 240 responden menunjukkan majoriti yang terbesar ialah responden yang memperuntukkan membaca 1 hingga 2 jam iaitu 100 (41.7%) responden. Majoriti yang terkecil ialah responden yang tidak minat untuk membaca, seramai 6 (2.5%).

Jadual 4.9 juga menunjukkan responden yang membaca lebih 5 jam hanya 2 (0.8%), membaca 4 hingga 5 jam seramai 6 (2.5%), diikuti yang membaca 3 hingga 4

